

Seksisme Dalam Dunia Pendidikan

Fatin Aimi Ayuni, Nur Aisyah Azmi, Heedayah, Aidatul Khairina, Abraham

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan isu seksisme dalam dunia pendidikan dan persepsi masyarakat terhadap ideologi ini. Pentingnya kajian ini adalah kerana ideologi seksisme sering dilihat dan digunakan dalam bidang pendidikan yang meletakkan jurang antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

METODOLOGI



OBJEKTIF

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji jika masyarakat mempunyai kesedaran tentang isu seksisme dalam bidang pendidikan dan menilai jika terdapat masyarakat yang masih lagi berpegang kepada ideologi seksisme dalam bidang pendidikan dan kesannya terhadap para pelajar. Selain itu, untuk mengenal pasti jika terdapat individu yang terkesan dengan ideologi ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada hasil kajian, didapati orang ramai mempunyai kesedaran dan cakna dengan isu seksisme dalam dunia pendidikan. Sesebuah bidang tidak sesuai untuk dipelopori oleh satu jantina sahaja. Pelajar lelaki sering diberikan keutamaan dalam kerja-kerja yang memerlukan pertukangan dan pelajar perempuan sering diberikan keutamaan dalam kerja-kerja yang memerlukan kreativiti. Tanggapan orang sekeliling membuatkan mereka berasa tertekan dan sukar untuk keluar dari kepompong disebabkan diskriminasi orang sekeliling. Sesuatu aktiviti dalam pelajaran tidak tertakluk kepada satu jantina sahaja. Malah, mereka berpendapat bahawa bidang sains, kejuruteraan dan seni boleh dipelopori oleh mana- mana jantina. Seiring dengan zaman moden, ramai yang mula berpendapat bahawa sesebuah bidang boleh dan sesuai diceburui oleh semua tanpa mengambil kira jantina. Walaubagaimanapun, unsur-unsur seksisme tidak lagi hapus sepenuhnya dalam bidang pendidikan ini, masih ada lagi individu atau masyarakat yang masih mengamalkan ideologi ini.



KESIMPULAN

Pemikiran dan kehendak para pelajar yang ingin mendalami ilmu pengetahuan akan terbatas jika ideologi ini dipraktikkan secara terus menerus. Tidak menggunakan jantina sebagai tanda ukur dalam menimba ilmu pengetahuan. Masyarakat haruslah bersama berusaha memutuskan rantaian ideologi ini yang tidak lagi relevan untuk digunakan pada masa kini.

DEFINISI

- Seksisme adalah prejudis atau diskriminasi berdasarkan jantina, terutamanya menentang wanita serta amalan untuk memastikan dominasi bagi jantina lelaki. Seksisme juga merupakan ideologi yang menghuraikan peranan setiap jantina dalam sosial dan kedudukannya dalam suatu hierarki.
- Stereotaip jantina adalah suatu kepercayaan yang berkaitan dengan tingkah laku atau ciri-ciri yang dijadikan sebagai satu sempadan antara lelaki dan perempuan. Ideologi ini menyebabkan lelaki disanjung tinggi dan wanita dipandang rendah.
- Ideologi seksisme dianggap sebagai sebuah pegangan yang telah dibawa secara turun temurun dari zaman dahulu. Kewujudan ideologi ini tidak disedari dan diterima oleh kebanyakan sosial kerana perkara ini dianggap perkara biasa oleh masyarakat sosial.

LATAR BELAKANG

- Pendidikan merupakan salah satu fasa kehidupan setiap individu dalam mempelajari ilmu pengetahuan dan mengembangkan pemikiran. Individu didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dari peringkat sekolah ke peringkat universiti. Namun, ideologi seksisme wujud dalam dunia pendidikan dan telah sebatan dengan hubungan sosial dalam masyarakat.
- Stereotaip jantina iaitu wanita bersifat lemah dan beremosi manakala lelaki bersifat gagah dan kuat telah membezakan penglibatan jantina dalam bidang pendidikan. Cth; Pelajar perempuan tidak dibenarkan terlibat dengan sukan yang lasak manakala pelajar lelaki kurang berkeyakinan untuk menceburi bidang seni kerana dianggap bidang seni hanya sesuai untuk pelajar perempuan. Cth; Pelajar perempuan tidak dapat menceburi bidang sains kerana dianggap bidang itu hanya layak diceburui oleh pelajar lelaki.
- Ideologi yang sedia ada ditanam dalam diri masyarakat ini telah menghadkan para pelajar untuk mempelajari dan menceburi bidang baharu mengikut minat dan kehendak mereka

IMPAK



RUJUKAN

- Evangelista, I. C. (2017). Sexism in Higher Education Institutions in Countryside Philippines.
- Physics, I. o. (2018). Gender stereotypes and their effect on young people.
- Chaney, M. P., Freeman, A. A., Boswell, J., Crockett, S., & Binkley, E. (2019). Consequences of Sexism in Counselor Education: A Collective Analytic Autoethnography.